

Sukan Tahunan Kampung Bebuloh eratkan hubungan silaturahim

OLEH JAINUDIN DJIMIN

LABUAN: Sukan Tahunan Kampung Bebuloh yang diadakan baru-baru ini berjaya menyatupadukan pelbagai lapisan masyarakat setempat.

Pengerusi Penganjur bersama kejohanan, Haji Chemat Haji Mustapa berkata, kejohanan yang lebih menjurus kepada sukan rakyat bukan sahaja bertujuan untuk memperkenalkan semula sukan tersebut kepada generasi muda tetapi juga dapat mewujudkan masyarakat yang dapat mempertahankan dan mengamalkan budaya tempatan.

"Melalui sukan ini penduduk kampung khususnya generasi muda dapat mengenali semula jenis sukan rakyat sekaligus mengelakkan sukan ini daripada pupus" katanya kepada *Sukan New Sabah Times* di sini kelmarin.

Kejohanan anjuran bersama JKKK Kampung Bebuloh dan Umno Cawangan Bebuloh empat peringkat telah disempurnakan perasmianya oleh Timbalan Ketua Umno Bahagian yang juga Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Datuk Haji Bashir Haji Alias.

Hadir sama Pengerusi Penyelaras Kejohanan yang juga Ketua Pemuda Umno Cawangan Bebuloh, Kamal Ariffin Haji Khalidin dan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru SK Bebuloh, Yusof Haji Dahlan.

Selain acara sukan tradisi, beberapa sukan yang menjadi kegemaran anak muda seperti bola sepak 9 sebelah dan bola tampar kategori lelaki dan wanita turut diadakan bagi menyemarakkan lagi kejohanan tersebut.



SOKONGAN...sebahagian penduduk kampung yang menyertai Kejohanan Sukan Tahunan Kampung Bebuloh.